8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

9. Pegawai Syariah hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED LS44

10. Pegawai Syariah Gred LS41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Syariah Gred LS44 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED LS48

11. Pegawai Syariah Gred LS44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Syariah Gred LS48 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED LS52

12. Pegawai Syariah Gred LS48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Syariah Gred LS52 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED LS54

13. Pegawai Syariah Gred LS52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Syariah Gred LS54 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED YANG LEBIH TINGGI

14. Pegawai Syariah Gred LS54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI SYARIAH

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred LS27	:	P1T1 RM 964.85 - P1T26 RM2422.90 P2T1 RM1007.20 - P2T26 RM2581.41 P3T1 RM1056.81 - P3T26 RM2725.40
Gred LS32	:	P1T1 RM2167.59 - P1T10 RM2875.44 P2T1 RM2335.78 - P2T10 RM3108.97
Gred LS38	:	P1T1 RM2402.33 - P1T11 RM3553.04 P2T1 RM2570.52 - P2T11 RM3930.56

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

   (ii) diploma dalam bidang pengajian Islam (syariah) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred LS27: P1T5);

   dan

   (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Syariah adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

   (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

   (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

   (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred LS27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Penolong Pegawai Syariah Gred LS27 yang dilantik secara tetap atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Penolong Pegawai Syariah boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

6. Penolong Pegawai Syariah Gred LS27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Penolong Pegawai Syariah Gred LS27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

9. Penolong Pegawai Syariah hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED LS32

10. Penolong Pegawai Syariah Gred LS27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS32 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED LS38

11. Penolong Pegawai Syariah Gred LS32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS38 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEGAWAI SYARIAH

12. Penolong Pegawai Syariah yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Undang-undang Gred LS41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU SYARIAH

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN

TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	**Jadual Gaji Matriks**
Gred LS17 :	P1T1 RM658.72 - P1T24 RM1723.52 P2T1 RM699.86 - P2T24 RM1820.32 P3T1 RM742.21 - P3T24 RM1920.75
Gred LS22 :	P1T1 RM1534.76 - P1T12 RM2272.86 P2T1 RM1648.50 - P2T12 RM2510.02
Gred LS26 :	P1T1 RM1759.82 - P1T9 RM2389.02 P2T1 RM1928.01 - P2T9 RM2615.29

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan lulus dalam subjek Bahasa Arab (Komunikasi atau Tinggi) dan kepujian dalam subjek Al-Quran dan Sunnah atau Syariah Islamiah;

   dan

   (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred LS17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Pembantu Syariah Gred LS17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Pembantu Syariah boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

5. Pembantu Syariah Gred LS17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

6. Pembantu Syariah Gred LS17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

   (a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

8. Pembantu Syariah hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED LS22

9. Pembantu Syariah Gred LS17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Syariah Gred LS22 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED LS26

10. Pembantu Syariah Gred LS22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Syariah Gred LS26 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI SYARIAH

11. Pembantu Syariah yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

SKIM PERKHIDMATAN
JURUBAHASA

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**			
Gred L17	:	P1T1 RM658.72	-	P1T24	RM1723.52
		P2T1 RM699.86	-	P2T24	RM1820.32
		P3T1 RM742.21	-	P3T24	RM1920.75
Gred L22	:	P1T1 RM1534.76	-	P1T12	RM2272.86
		P2T1 RM1648.50	-	P2T12	RM2510.02
Gred L26	:	P1T1 RM1759.82	-	P1T9	RM2389.02
		P2T1 RM1928.01	-	P2T9	RM2615.29

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) **Jurubahasa Malaysia**

   (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) dan kepujian Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan tersebut; atau

   (b) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) dan kepujian Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred L17: P1T9);

   (ii) **Jurubahasa selain daripada Jurubahasa Malaysia**

   (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan), kepujian Bahasa Inggeris dan kepujian dalam bahasa berkaitan pada peringkat peperiksaan tersebut; atau

(b) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan), kepujian Bahasa Inggeris dan kepujian dalam bahasa berkaitan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred L17: P1T9);

Catatan

Bagi Jurubahasa Cina, calon hendaklah juga berkebolehan bertutur sekurang-kurangnya dalam dua loghat Bahasa Cina.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred L17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Jurubahasa Gred L17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Jurubahasa boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

5. Jurubahasa Gred L17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

6. Jurubahasa Gred L17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

8. Jurubahasa hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED L22

9. Jurubahasa Gred L17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurubahasa Gred L22 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED L26

10. Jurubahasa Gred L22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurubahasa Gred L26 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEMBANTU UNDANG-UNDANG

11. Jurubahasa yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Undang-undang Gred L29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.7.1994 [Surat Pemakluman Skim Perkhidmatan, JPA(S)324 /14/31 Klt. 6/(42)].

SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**			
Gred M41	:	P1T1	RM1733.59	- P1T24	RM4102.77
		P2T1	RM1817.08	- P2T24	RM4349.61
		P3T1	RM1904.20	- P3T24	RM4604.92
Gred M44	:	P1T1	RM2628.99	- P1T14	RM4359.29
		P2T1	RM2913.34	- P2T14	RM4800.94
Gred M48	:	P1T1	RM3849.88	- P1T8	RM5111.91
		P2T1	RM4232.24	- P2T8	RM5595.91
Gred M52	:	P1T1	RM4331.46	- P1T8	RM5593.49
		P2T1	RM4742.86	- P2T8	RM6106.53
Gred M54	:	P1T1	RM4568.62	- P1T8	RM5946.81
		P2T1	RM4972.76	- P2T8	RM6488.89

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

   (ii) ijazah sarjana yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred M41: P1T4); atau

   (iii) ijazah doktor falsafah (Ph.D) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred M41: P1T7);

(iv) lulus peperiksaan memasuki perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik yang ditetapkan.

[Bagi kelayakan masuk 1(c) (ii) dan (iii), calon disyaratkan mempunyai kelayakan ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya].

dan

(d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred M41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Pegawai Tadbir dan Diplomatik boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

5. Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

6. Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan;

(c) lulus latihan serta mendapat Diploma Pengurusan Awam daripada INTAN; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

8. Pegawai Tadbir dan Diplomatik hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED M44

9. Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M44 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED M48

10. Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED M52

11. Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M52 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED M54

12. Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M54 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED YANG LEBIH TINGGI

13. Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

PERKHIDMATAN DALAM DAN LUAR NEGARA

14. Pegawai Tadbir dan Diplomatik yang dilantik di bawah skim perkhidmatan ini adalah dikehendaki berkhidmat di dalam atau luar negara atas kepentingan perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2000 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2000, JPA(S)324/6/28 Klt. 2 (60)].

SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI TADBIR

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred N41	:	P1T1 RM1469.81 - P1T27 RM4035.01 P2T1 RM1552.09 - P2T27 RM4277.01 P3T1 RM1638.00 - P3T27 RM4539.58
Gred N44	:	P1T1 RM2587.85 - P1T14 RM4286.69 P2T1 RM2864.94 - P2T14 RM4705.35
Gred N48	:	P1T1 RM3782.12 - P1T8 RM5018.74 P2T1 RM4157.22 - P2T8 RM5495.48
Gred N52	:	P1T1 RM4256.44 - P1T8 RM5493.06 P2T1 RM4660.58 - P2T8 RM5998.84
Gred N54	:	P1T1 RM4487.55 - P1T8 RM5840.33 P2T1 RM4884.43 - P2T8 RM6375.15

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

   (ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N41: P1T3); atau

   (iii) ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N41: P1T4);

dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir dan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N5 adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pegawai Tadbir Gred N41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pegawai Tadbir boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

6. Pegawai Tadbir Gred N41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Pegawai Tadbir Gred N41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

9. Pegawai Tadbir hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N44

10. Pegawai Tadbir Gred N41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N44 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT

11. Pegawai Tadbir Gred N44 adalah layak dipertimbang bagi

KE GRED N48

kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N48 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N52

12. Pegawai Tadbir Gred N48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N52 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N54

13. Pegawai Tadbir Gred N52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N54 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED YANG LEBIH TINGGI

14. Pegawai Tadbir Gred N54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.10.1994 [Surat Pemakluman Skim Perkhidmatan, JPA(S)324/14/31 Klt. 6/(59)].

SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI TADBIR

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred N27	:	P1T1 RM963.64 - P1T26 RM2421.69 P2T1 RM1019.30 - P2T26 RM2570.52 P3T1 RM1077.38 - P3T26 RM2724.19
Gred N32	:	P1T1 RM1930.43 - P1T13 RM2874.23 P2T1 RM2098.62 - P2T13 RM3129.54
Gred N36	:	P1T1 RM2401.12 - P1T11 RM3551.83 P2T1 RM2569.31 - P2T11 RM3929.35

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

   (ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N27: P1T5); atau

   (iii) diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N27: P1T6);

dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan), Pengurus Stesen, Pemeriksa Cap Jari dan Penyelia Jurupakaian adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Penolong Pegawai Tadbir boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

6. Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

9. Penolong Pegawai Tadbir hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N32

10. Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N36

11. Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N36 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEGAWAI TADBIR

12. Penolong Pegawai Tadbir yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred S41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.7.1994 [Surat Pemakluman Skim Perkhidmatan, JPA(S)324/14/31 Klt. 6/(43)].

SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred N17	:	P1T1 RM656.30 - P1T24 RM1721.10 P2T1 RM697.44 - P2T24 RM1817.90 P3T1 RM739.79 - P3T24 RM1918.33
Gred N22	:	P1T1 RM1532.34 - P1T12 RM2270.44 P2T1 RM1646.08 - P2T12 RM2507.60
Gred N26	:	P1T1 RM1757.40 - P1T9 RM2386.60 P2T1 RM1925.59 - P2T9 RM2612.87

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(ii) Sijil Perancang Bandar dan Wilayah daripada UiTM yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T6); atau

(iii) Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T8); atau

(iv) sijil dalam bidang kejuruteraan ukur tanah atau perancang bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T9);

dan

(d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer dan/atau mengambil trengkas).

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir Rendah, Operator Wayarles dan Pengawet adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

6. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

9. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N22

10. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N26

11. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N26 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR

12. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN)

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred N17	:	P1T1 RM656.30 - P1T24 RM1721.10 P2T1 RM697.44 - P2T24 RM1817.90 P3T1 RM739.79 - P3T24 RM1918.33
Gred N22	:	P1T1 RM1532.34 - P1T12 RM2270.44 P2T1 RM1646.08 - P2T12 RM2507.60
Gred N32	:	P1T1 RM1930.43 - P1T13 RM2874.23 P2T1 RM2098.62 - P2T13 RM3129.54

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus ujian masuk mengambil trengkas dengan kederasan 60 p.s.m. daripada rencana dan menaip salinan trengkas itu sederas 20 p.s.m. dengan kesalahan tidak melebihi 4%.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T2).

   (Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer); atau

   (ii) Diploma Kesetiausahaan daripada UiTM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T9);

   dan

   (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir Rendah adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

   (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

6. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

9. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N22

10. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N22 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N32

11. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N32 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) berkebolehan mengambil trengkas Bahasa Malaysia serta Bahasa Inggeris dengan kederasan 100 p.s.m. dan menaip salinan trengkas itu dengan kederasan 25 p.s.m. dengan membuat kesilapan tidak melebihi 4%;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR

12. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 yang kosong apabila telah:-

(a) hadir dengan jayanya kursus yang berkaitan dengan pengurusan pejabat, kakitangan dan kewangan serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dan

(b) memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEGAWAI TADBIR

13. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N32 yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 yang kosong apabila telah:-

(a) hadir dengan jayanya kursus yang berkaitan dengan pengurusan pejabat, kakitangan dan kewangan serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dan

(b) memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.10.1994 [Surat Pemakluman Skim Perkhidmatan, JPA.SULIT.324/14/31/Klt. 6 (58)].

SKIM PERKHIDMATAN
PEMERIKSA CAP JARI

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred N17	:	P1T1 RM656.30 - P1T24 RM1721.10 P2T1 RM697.44 - P2T24 RM1817.90 P3T1 RM739.79 - P3T24 RM1918.33
Gred N22	:	P1T1 RM1532.34 - P1T12 RM2270.44 P2T1 RM1646.08 - P2T12 RM2507.60
Gred N26	:	P1T1 RM1757.40 - P1T9 RM2386.60 P2T1 RM1925.59 - P2T9 RM2612.87

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

   dan

   (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

   (Keutamaan diberi kepada calon yang lulus dalam salah satu daripada subjek Sains).

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Pemeriksa Cap Jari Gred N17 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Pemeriksa Cap Jari boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

5. Pemeriksa Cap Jari Gred N17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

6. Pemeriksa Cap Jari Gred N17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

8. Pemeriksa Cap Jari hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N22

9. Pemeriksa Cap Jari Gred N17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemeriksa Cap Jari Gred N22 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N26

10. Pemeriksa Cap Jari Gred N22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemeriksa Cap Jari Gred N26 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR

11. Pemeriksa Cap Jari yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU TADBIR RENDAH

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred N11	:	P1T1 RM525.62 - P1T22 RM1296.39 P2T1 RM557.08 - P2T22 RM1362.94 P3T1 RM589.75 - P3T22 RM1430.70
Gred N14	:	P1T1 RM1030.19 - P1T10 RM1482.73 P2T1 RM1113.68 - P2T10 RM1636.40

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) berpelajaran di peringkat sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

   (ii) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) (i) di atas dan lulus ujian menaip seperti yang dinyatakan di perenggan 3 di bawah; atau

   (iii) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N11: P1T2); atau

   (iv) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus ujian menaip seperti yang dinyatakan di perenggan 3 di bawah.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N11: P1T2).

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan, Atendan Haiwan, Bentara Parlimen, Pengawas Pemulihan, Penghantar Notis, Penyelamat dan Penyelia Jeti adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; atau

(iii) lulus Peperiksaan Khas dan lulus ujian menaip seperti yang dinyatakan di perenggan 3 di bawah; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

UJIAN MASUK

3. (a) Calon di perenggan 1(c) (ii), (iv) dan 2(a) (iii) dikehendaki mengambil satu ujian menaip dan lulus dengan mencapai kederasan paling rendah 35 p.s.m. daripada naskah bertulis yang jelas dan 30 p.s.m. daripada naskah bercetak atau bertaip. Kesilapan mestilah tidak melebihi 4%.

(b) Calon yang memiliki Sijil Perdagangan Malaysia dengan mendapat kelulusan taip-menaip dalam kedua-dua fasa:-

(i) Sijil Kecekapan; dan

(ii) Sijil Ujian Laju pada peringkat pertengahan atau peringkat tinggi boleh dikecualikan daripada ujian menaip yang disyaratkan di perenggan 3(a);

(c) Calon yang memiliki Sijil Perdagangan Malaysia dengan kelulusan peringkat pertengahan adalah layak dilantik atas Gred N11: P1T4 dan peringkat tinggi atas Gred N11: P1T6.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

5. Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

6. Pembantu Tadbir Rendah boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

7. Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

8. Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan

perkhidmatan/ yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

9. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

UJIAN KEDERASAN BAGI MAKSUD MENDAPAT DUA ATAU EMPAT HADIAH KENAIKAN GAJI

10. (a) Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 yang dilantik berdasarkan perenggan 1(c) (ii), (iv) dan 2(a) (iii) yang telah disahkan dalam perkhidmatan adalah layak mengambil Ujian Kederasan bagi maksud hadiah kenaikan gaji mulai dari tarikh kenaikan gaji tahunan yang ke hadapan berasaskan kederasan yang dicapai pada kali yang pertama:

2 KENAIKAN

(i) kebolehan menaip dengan kederasan paling rendah 35 p.s.m. daripada naskah bertulis yang jelas dan 40 p.s.m. daripada naskah bercetak atau bertaip; dan

4 KENAIKAN

(ii) kebolehan menaip dengan kederasan paling rendah 45 p.s.m. daripada naskah bertulis yang jelas dan 50 p.s.m. daripada naskah bercetak atau bertaip.

(b) Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 yang telah mengambil ujian kederasan dan hanya mencapai kederasan mengikut perenggan 10(a) (i) di atas adalah dibenarkan mengulangi ujian bagi mencapai kederasan yang ditetapkan di perenggan 10(a) (ii) pula. Mereka yang layak mendapat dua (2) hadiah kenaikan gaji lagi mulai dari tarikh kenaikan gaji tahunan yang ke hadapan.

(c) Ujian Kederasan ini hendaklah diadakan oleh Ketua Perkhidmatan dua (2) kali setahun. Peraturan-peraturan bagi Ujian Kederasan serta cara pemarkahannya akan ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

11. Pembantu Tadbir Rendah hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N14

12. Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N14 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) ATAU PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN)

13. Pembantu Tadbir Rendah yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan. Pembantu Tadbir Rendah yang dilantik berdasarkan perenggan 1(c) (ii), (iv) dan 2(a) (iii) yang telah

menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

SKIM PERKHIDMATAN
OPERATOR WAYARLES

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN

TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred N11	:	P1T1 RM525.62 - P1T22 RM1296.39 P2T1 RM557.08 - P2T22 RM1362.94 P3T1 RM589.75 - P3T22 RM1430.70
Gred N14	:	P1T1 RM1030.19 - P1T10 RM1482.73 P2T1 RM1113.68 - P2T10 RM1636.40

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N11: P1T2);

   dan

   (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Operator Wayarles Gred N11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

   (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

   (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

   (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Operator Wayarles Gred N11 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Operator Wayarles boleh dikehendaki mengikuti latihan yang

ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

6. Operator Wayarles Gred N11 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Operator Wayarles Gred N11 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

9. Operator Wayarles hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N14

10. Operator Wayarles Gred N11 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Operator Wayarles Gred N14 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)

11. Operator Wayarles yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU AM RENDAH

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred N1	:	P1T1 RM480.85 - P1T22 RM1116.10 P2T1 RM512.31 - P2T22 RM1172.97 P3T1 RM544.98 - P3T22 RM1231.05
Gred N4	:	P1T1 RM525.62 - P1T18 RM1136.67 P2T1 RM589.75 - P2T18 RM1261.30

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) berpelajaran di peringkat sekolah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan

   (ii) boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: P1T2).

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N1 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Pembantu Am Rendah Gred N1 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Pembantu Am Rendah boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

5. Pembantu Am Rendah Gred N1 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

6. Pembantu Am Rendah Gred N1 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

   (a) memenuhi tempoh percubaan;

   (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan

   (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

8. Pembantu Am Rendah hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N4

9. Pembantu Am Rendah Gred N1 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Am Rendah Gred N4 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN YANG DITETAPKAN

10. Pembantu Am Rendah yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan-jawatan yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan. Senarai jawatan-jawatan tersebut adalah seperti dilampirkan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

LAMPIRAN N

SENARAI 12 PERKHIDMATAN YANG MEMPERUNTUK
KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN (KPSL)
KEPADA ATENDAN KESIHATAN

1. Operator Mesin Prosesan Data
   (Gred F11, F14)

2. Pengawas Hutan
   (Gred G11, G14)

3. Ahli Bomba
   (Gred KB11, KB14, KB16)

4. Pengawal Keselamatan
   (Gred KP11, KP14)

5. Pegawai Penjara
   (Gred KX11, KX14, KX18, KX22, KX24)

6. Pembantu Kamera/Pemandu
   (Gred N3, N12)

7. Bentara Parlimen
   (Gred N3, N12)

8. Penghantar Notis
   (Gred N3, N12)

9. Penyelia Jeti
   (Gred N3, N12)

10. Operator Wayarles
    (Gred N11, N14)

11. Pembantu Tadbir Rendah
    (Gred N11, N14)

12. Pembantu Kesihatan Awam
    (Gred U1, U2, U12)

SKIM PERKHIDMATAN
BENTARA MESYUARAT

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred N27	:	P1T1 RM963.64 - P1T26 RM2421.69 P2T1 RM1019.30 - P2T26 RM2570.52 P3T1 RM1077.38 - P3T26 RM2724.19
Gred N32	:	P1T1 RM1930.43 - P1T13 RM2874.23 P2T1 RM2098.62 - P2T13 RM3129.54

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) bekas Penolong Penguasa Polis Diraja Malaysia atau Kapten Angkatan Tentera Malaysia yang telah menamatkan perkhidmatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N27: P1T5);

   dan

   (c) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Bentara Mesyuarat Gred N27 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Bentara Mesyuarat boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

5. Bentara Mesyuarat Gred N27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

6. Bentara Mesyuarat Gred N27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

   (a) memenuhi tempoh percubaan;

   (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

8. Bentara Mesyuarat hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N32

9. Bentara Mesyuarat Gred N27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Bentara Mesyuarat Gred N32 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

SKIM PERKHIDMATAN
PENGURUS STESEN

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred N19	:	P1T1 RM800.29 - P1T23 RM1838.47 P2T1 RM841.43 - P2T23 RM1935.27 P3T1 RM883.78 - P3T23 RM2035.70
Gred N22	:	P1T1 RM1532.34 - P1T12 RM2270.44 P2T1 RM1646.08 - P2T12 RM2507.60
Gred N26	:	P1T1 RM1757.40 - P1T9 RM2386.60 P2T1 RM1925.59 - P2T9 RM2612.87

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

1. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengurus Stesen Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

   (a) lulus peperiksaan Sijil Pengurus Stesen yang dikeluarkan oleh pentadbiran Keretapi Tanah Melayu; dan

   (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Pengurus Stesen Gred N19 yang dilantik secara kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Pengurus Stesen boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

5. Pengurus Stesen Gred N19 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

6. Pengurus Stesen Gred N19 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

   (a) memenuhi tempoh percubaan;

   (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

   (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

8. Pengurus Stesen hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N22

9. Pengurus Stesen Gred N19 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengurus Stesen Gred N22 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N26

10. Pengurus Stesen Gred N22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengurus Stesen Gred N26 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR

11. Pengurus Stesen yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

SKIM PERKHIDMATAN
PENYELIA JURUPAKAIAN

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred N17	:	P1T1 RM656.30 - P1T24 RM1721.10 P2T1 RM697.44 - P2T24 RM1817.90 P3T1 RM739.79 - P3T24 RM1918.33
Gred N20	:	P1T1 RM800.29 - P1T23 RM1838.47 P2T1 RM883.78 - P2T23 RM2035.70
Gred N22	:	P1T1 RM1532.34 - P1T12 RM2270.44 P2T1 RM1646.08 - P2T12 RM2507.60

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut, mempunyai pengalaman dan kebolehan yang terkemuka mutunya dalam bidang berkaitan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik;

   (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat peperiksaan tersebut, mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik;

   (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat peperiksaan tersebut dan mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

   dan

   (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan

kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Penyelia Jurupakaian Gred N17 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Penyelia Jurupakaian boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

5. Penyelia Jurupakaian Gred N17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

6. Penyelia Jurupakaian Gred N17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

8. Penyelia Jurupakaian hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N20

9. Penyelia Jurupakaian Gred N17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penyelia Jurupakaian Gred N20 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N22

10. Penyelia Jurupakaian Gred N20 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penyelia Jurupakaian Gred N22 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR

11. Penyelia Jurupakaian yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

SKIM PERKHIDMATAN
PENIUP KACA

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred N17	:	P1T1 RM656.30 - P1T24 RM1721.10 P2T1 RM697.44 - P2T24 RM1817.90 P3T1 RM739.79 - P3T24 RM1918.33
Gred N20	:	P1T1 RM800.29 - P1T23 RM1838.47 P2T1 RM883.78 - P2T23 RM2035.70
Gred N22	:	P1T1 RM1532.34 - P1T12 RM2270.44 P2T1 RM1646.08 - P2T12 RM2507.60

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan mempunyai pengalaman dan kebolehan yang terkemuka mutunya dalam bidang berkaitan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik; atau

   (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Peniup Kaca Gred N17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Peniup Kaca boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

5. Peniup Kaca Gred N17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

6. Peniup Kaca Gred N17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

8. Peniup Kaca hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N22

9. Peniup Kaca Gred N17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Peniup Kaca Gred N22 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N26

10. Peniup Kaca Gred N22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Peniup Kaca Gred N26 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

SKIM PERKHIDMATAN
BENTARA PARLIMEN

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred N3	:	P1T1 RM525.62 - P1T18 RM1136.67 P2T1 RM557.08 - P2T18 RM1198.38 P3T1 RM589.75 - P3T18 RM1261.30
Gred N12	:	P1T1 RM525.62 - P1T22 RM1296.39 P2T1 RM589.75 - P2T22 RM1430.70

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) berpelajaran di peringkat sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan; atau

   (iii) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N3: P1T2).

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Bentara Parlimen Gred N3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

   (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

   (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

   (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N3 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Bentara Parlimen Gred N3 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Bentara Parlimen boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

6. Bentara Parlimen Gred N3 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Bentara Parlimen Gred N3 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

9. Bentara Parlimen hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N12

10. Bentara Parlimen Gred N3 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Bentara Parlimen Gred N12 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR RENDAH

11. Bentara Parlimen yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

SKIM PERKHIDMATAN
PENYELIA JETI

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred N3	:	P1T1 RM525.62 - P1T18 RM1136.67 P2T1 RM557.08 - P2T18 RM1198.38 P3T1 RM589.75 - P3T18 RM1261.30
Gred N12	:	P1T1 RM525.62 - P1T22 RM1296.39 P2T1 RM589.75 - P2T22 RM1430.70

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) berpelajaran di peringkat sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

   (ii) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N3: P1T2).

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penyelia Jeti Gred N3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

   (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

   (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

   (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N3 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Penyelia Jeti Gred N3 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam

tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Penyelia Jeti boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

6. Penyelia Jeti Gred N3 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Penyelia Jeti Gred N3 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

   (a) memenuhi tempoh percubaan;

   (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

   (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

9. Penyelia Jeti hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N12

10. Penyelia Jeti Gred N3 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penyelia Jeti Gred N12 yang kosong apabila telah:-

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

    (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

    (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR RENDAH

11. Penyelia Jeti yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

SKIM PERKHIDMATAN
PENGHANTAR NOTIS

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred N3	:	P1T1 RM525.62 - P1T18 RM1136.67 P2T1 RM557.08 - P2T18 RM1198.38 P3T1 RM589.75 - P3T18 RM1261.30
Gred N12	:	P1T1 RM525.62 - P1T22 RM1296.39 P2T1 RM589.75 - P2T22 RM1430.70

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

1. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penghantar Notis Gred N3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

   (a) (i) berpelajaran di peringkat sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

   (ii) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N3: P1T2); atau

   (iii) lulus Peperiksaan Khas;

   (b) mempunyai lesen menunggang motosikal yang sah; dan

   (c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N3 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Penghantar Notis Gred N3 yang dilantik secara kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Penghantar Notis boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

5. Penghantar Notis Gred N3 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

6. Penghantar Notis Gred N3 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

8. Penghantar Notis hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N12

9. Penghantar Notis Gred N3 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penghantar Notis Gred N12 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR RENDAH

10. Penghantar Notis yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

SKIM PERKHIDMATAN
PENYELAMAT

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred N1	:	P1T1 RM480.85 - P1T22 RM1116.10 P2T1 RM512.31 - P2T22 RM1172.97 P3T1 RM544.98 - P3T22 RM1231.05
Gred N12	:	P1T1 RM525.62 - P1T22 RM1296.39 P2T1 RM589.75 - P2T22 RM1430.70

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) berpelajaran di peringkat sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

   (iii) mempunyai Sijil Pertolongan Cemas yang diiktiraf oleh kerajaan dan berkebolehan berenang.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: P1T3).

   dan

   (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N1 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Penyelamat Gred N1 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Penyelamat boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

5. Penyelamat Gred N1 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

6. Penyelamat Gred N1 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

   (a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

8. Penyelamat hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N12

9. Penyelamat Gred N1 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penyelamat Gred N12 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR RENDAH

10. Penyelamat yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

SKIM PERKHIDMATAN
PENGAWAS PEMULIHAN

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred N1	:	P1T1 RM480.85 - P1T22 RM1116.10 P2T1 RM512.31 - P2T22 RM1172.97 P3T1 RM544.98 - P3T22 RM1231.05
Gred N4	:	P1T1 RM525.62 - P1T18 RM1136.67 P2T1 RM589.75 - P2T18 RM1261.30

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) berpelajaran di peringkat sekolah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan; dan

   (ii) mempunyai pengalaman berkhidmat dalam bidang berkaitan; atau

   (iii) bekas anggota Polis Diraja Malaysia atau Angkatan Tentera Malaysia yang telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik, berkebolehan mengajar latihan jasmani dan berkawad dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: P1T10).

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N1 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Pengawas Pemulihan Gred N1 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Pengawas Pemulihan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

5. Pengawas Pemulihan Gred N1 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

6. Pengawas Pemulihan Gred N1 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

8. Pengawas Pemulihan hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N4

9. Pengawas Pemulihan Gred N1 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengawas Pemulihan Gred N4 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR RENDAH

10. Pengawas Pemulihan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan-Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI PENERBITAN

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred N41	:	P1T1 RM1469.81 - P1T27 RM4035.01 P2T1 RM1552.09 - P2T27 RM4277.01 P3T1 RM1638.00 - P3T27 RM4539.58
Gred N44	:	P1T1 RM2587.85 - P1T14 RM4286.69 P2T1 RM2864.94 - P2T14 RM4705.35
Gred N48	:	P1T1 RM3782.12 - P1T8 RM5018.74 P2T1 RM4157.22 - P2T8 RM5495.48
Gred N52	:	P1T1 RM4256.44 - P1T8 RM5493.06 P2T1 RM4660.58 - P2T8 RM5998.84
Gred N54	:	P1T1 RM4487.55 - P1T8 RM5840.33 P2T1 RM4884.43 - P2T8 RM6375.15

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau Diploma Sebaran Am daripada UiTM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

   (ii) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta Diploma Percetakan daripada London College of Printing atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N41: P1T2); atau

   (iii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N41: P1T3);

dan

(e) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penerbitan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Penerbitan Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(e) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pegawai Penerbitan Gred N41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pegawai Penerbitan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

6. Pegawai Penerbitan Gred N41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Pegawai Penerbitan Gred N41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan/penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

9. Pegawai Penerbitan hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N44

10. Pegawai Penerbitan Gred N41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penerbitan Gred N44 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N48

11. Pegawai Penerbitan Gred N44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penerbitan Gred N48 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N52

12. Pegawai Penerbitan Gred N48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penerbitan Gred N52 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N54

13. Pegawai Penerbitan Gred N52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penerbitan Gred N54 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED YANG LEBIH TINGGI

14. Pegawai Penerbitan Gred N54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI PENERBITAN

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred N27	:	P1T1 RM963.64 - P1T26 RM2421.69 P2T1 RM1019.30 - P2T26 RM2570.52 P3T1 RM1077.38 - P3T26 RM2724.19
Gred N32	:	P1T1 RM1930.43 - P1T13 RM2874.23 P2T1 RM2098.62 - P2T13 RM3129.54
Gred N36	:	P1T1 RM2401.12 - P1T11 RM3551.83 P2T1 RM2569.31 - P2T11 RM3929.35

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

   (ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N27: P1T5);

   dan

   (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penerbitan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penerbitan Gred N27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

   (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

   (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

   (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Penolong Pegawai Penerbitan Gred N27 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Penolong Pegawai Penerbitan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

6. Penolong Pegawai Penerbitan Gred N27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Penolong Pegawai Penerbitan Gred N27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

9. Penolong Pegawai Penerbitan hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N32

10. Penolong Pegawai Penerbitan Gred N27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Penerbitan Gred N32 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N36

11. Penolong Pegawai Penerbitan Gred N32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Penerbitan Gred N36 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN

12. Penolong Pegawai Penerbitan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke

PEGAWAI PENERBITAN	jawatan Pegawai Penerbitan Gred N41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU PENERBITAN

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred N17	:	P1T1 RM656.30 - P1T24 RM1721.10 P2T1 RM697.44 - P2T24 RM1817.90 P3T1 RM739.79 - P3T24 RM1918.33
Gred N22	:	P1T1 RM1532.34 - P1T12 RM2270.44 P2T1 RM1646.08 - P2T12 RM2507.60
Gred N26	:	P1T1 RM1757.40 - P1T9 RM2386.60 P2T1 RM1925.59 - P2T9 RM2612.87

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(f) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

(ii) sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T6); atau

5. Pegawai Pergigian Gred U41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

6. Pegawai Pergigian Gred U41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

8. Pegawai Pergigian hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U44

9. Pegawai Pergigian Gred U41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pergigian Gred U44 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U48

10. Pegawai Pergigian Gred U44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pergigian Gred U48 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U52

11. Pegawai Pergigian Gred U48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pergigian Gred U52 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U54

12. Pegawai Pergigian Gred U52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pergigian Gred U54 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED YANG LEBIH TINGGI

13. Pegawai Pergigian Gred U54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.7.1997 [Surat Pemakluman Skim Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1997, JPA(S)324/6/46 Klt. 2 (67)].

SKIM PERKHIDMATAN
JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**			
Gred U29	:	P1T1 RM928.55	-	P1T27	RM2445.89
		P2T1 RM985.42	-	P2T27	RM2623.76
		P3T1 RM1044.71	-	P3T27	RM2781.06
Gred U32	:	P1T1 RM1567.43	-	P1T20	RM2925.05
		P2T1 RM1683.59	-	P2T20	RM3227.55
Gred U36	:	P1T1 RM2445.89	-	P1T11	RM3617.17
		P2T1 RM2616.50	-	P2T11	RM3999.53
Gred U38	:	P1T1 RM3023.06	-	P1T8	RM3954.76
		P2T1 RM3304.99	-	P2T8	RM4312.92
Gred U40	:	P1T1 RM3555.46	-	P1T7	RM4513.78
		P2T1 RM3893.05	-	P2T7	RM4923.97

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) Diploma Teknologi Pergigian daripada Sekolah Latihan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6);

   dan

   (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Pembedahan Pergigian adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Juruteknologi Pergigian Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Juruteknologi Pergigian Gred U29 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Juruteknologi Pergigian boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

6. Juruteknologi Pergigian Gred U29 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Juruteknologi Pergigian Gred U29 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

9. Juruteknologi Pergigian hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U32

10. Juruteknologi Pergigian Gred U29 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknologi Pergigian Gred U32 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan atau

(d) memiliki Sijil Pengajar dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan; dan

(e) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U36

11. Juruteknologi Pergigian Gred U32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknologi Pergigian Gred U36 yang kosong apabila telah:-

    (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

    (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

    (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U38

12. Juruteknologi Pergigian Gred U36 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknologi Pergigian Gred U38 yang kosong apabila telah:-

    (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

    (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

    (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U40

13. Juruteknologi Pergigian Gred U38 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknologi Pergigian Gred U40 yang kosong apabila telah:-

    (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

    (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

    (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.7.1996 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1999, JPA(S)324/14/24-1/Klt. 11].

SKIM PERKHIDMATAN
JURURAWAT PERGIGIAN

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred U29	:	P1T1 RM928.55 - P1T27 RM2445.89 P2T1 RM985.42 - P2T27 RM2623.76 P3T1 RM1044.71 - P3T27 RM2781.06
Gred U32	:	P1T1 RM1567.43 - P1T20 RM2925.05 P2T1 RM1683.59 - P2T20 RM3227.55
Gred U36	:	P1T1 RM2445.89 - P1T11 RM3617.17 P2T1 RM2616.50 - P2T11 RM3999.53
Gred U38	:	P1T1 RM3023.06 - P1T8 RM3954.76 P2T1 RM3304.99 - P2T8 RM4312.92
Gred U40	:	P1T1 RM3555.46 - P1T7 RM4513.78 P2T1 RM3893.05 - P2T7 RM4923.97

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) Diploma Kejururawatan Pergigian daripada Sekolah Latihan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6);

dan (f) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Pembedahan Pergigian adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Pergigian Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Jururawat Pergigian Gred U29 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Jururawat Pergigian boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

6. Jururawat Pergigian Gred U29 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Jururawat Pergigian Gred U29 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

9. Jururawat Pergigian hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U32

10. Jururawat Pergigian Gred U29 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Pergigian Gred U32 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; atau

(d) memiliki Sijil Pengajar dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan; dan

(e) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U36

11. Jururawat Pergigian Gred U32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Pergigian Gred U36 yang kosong apabila telah:-

    (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

    (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

    (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U38

12. Jururawat Pergigian Gred U36 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Pergigian Gred U38 yang kosong apabila telah:-

    (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

    (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

    (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U40

13. Jururawat Pergigian Gred U38 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Pergigian Gred U40 yang kosong apabila telah:-

    (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

    (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

    (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.7.1996 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1999, JPA(S)324/14/24-1/Klt. 11].

SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred U11	:	P1T1 RM547.40 - P1T22 RM1308.49 P2T1 RM578.86 - P2T22 RM1375.04 P3T1 RM611.53 - P3T22 RM1442.80
Gred U14	:	P1T1 RM1031.40 - P1T10 RM1483.94 P2T1 RM1114.89 - P2T10 RM1637.61

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan

   (ii) tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Kelayakan Pembantu Pembedahan Pergigian yang diiktiraf oleh kerajaan;

   (Gaji permulaan ialah pada Gred U11: P1T4);

   dan

   (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U11 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Pembantu Pembedahan Pergigian boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

5. Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U11 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM

6. Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U11 yang dilantik adalah

PERKHIDMATAN

layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

8. Pembantu Pembedahan Pergigian hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U14

9. Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U11 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U14 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN JURURAWAT PERGIGIAN ATAU JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN

10. Pembantu Pembedahan Pergigian yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Pergigian atau Juruteknologi Pergigian Gred U29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI FARMASI

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred U41	:	P1T1 RM1738.43 - P1T24 RM4107.61 P2T1 RM1821.92 - P2T24 RM4367.76 P3T1 RM1909.04 - P3T24 RM4624.28
Gred U44	:	P1T1 RM2633.83 - P1T14 RM4364.13 P2T1 RM2920.60 - P2T14 RM4823.93
Gred U48	:	P1T1 RM3853.51 - P1T8 RM5115.54 P2T1 RM4235.87 - P2T8 RM5599.54
Gred U52	:	P1T1 RM4341.14 - P1T8 RM5603.17 P2T1 RM4752.54 - P2T8 RM6116.21
Gred U54	:	P1T1 RM4572.25 - P1T8 RM5950.44 P2T1 RM4976.39 - P2T8 RM6492.52

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) ijazah Sarjana Muda Farmasi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

   (ii) telah berdaftar dengan Lembaga Farmasi Malaysia;

   dan

   (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Farmasi adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Farmasi Gred U41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

   (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan

   (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pegawai Farmasi Gred U41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pegawai Farmasi boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

6. Pegawai Farmasi Gred U41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Pegawai Farmasi Gred U41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

9. Pegawai Farmasi hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U44

10. Pegawai Farmasi Gred U41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Farmasi Gred U44 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U48

11. Pegawai Farmasi Gred U44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Farmasi Gred U48 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U52

12. Pegawai Farmasi Gred U48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Farmasi Gred U52 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U54

13. Pegawai Farmasi Gred U52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Farmasi Gred U54 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED YANG LEBIH TINGGI

14. Pegawai Farmasi Gred U54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU FARMASI

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred U29	:	P1T1 RM928.55 - P1T27 RM2445.89 P2T1 RM985.42 - P2T27 RM2623.76 P3T1 RM1044.71 - P3T27 RM2781.06
Gred U32	:	P1T1 RM1567.43 - P1T20 RM2925.05 P2T1 RM1683.59 - P2T20 RM3227.55
Gred U36	:	P1T1 RM2445.89 - P1T11 RM3617.17 P2T1 RM2616.50 - P2T11 RM3999.53
Gred U38	:	P1T1 RM3023.06 - P1T8 RM3954.76 P2T1 RM3304.99 - P2T8 RM4312.92
Gred U40	:	P1T1 RM3555.46 - P1T7 RM4513.78 P2T1 RM3893.05 - P2T7 RM4923.97

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) Diploma Pembantu Farmasi daripada Sekolah Latihan Pembantu Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6); atau

   (ii) diploma dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6);

   dan

   (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Pembantu Farmasi Gred U29 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Pembantu Farmasi boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

5. Pembantu Farmasi Gred U29 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

6. Pembantu Farmasi Gred U29 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

8. Pembantu Farmasi hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U32

9. Pembantu Farmasi Gred U29 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Farmasi Gred U32 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; atau

(d) memiliki Sijil Pengajar dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan; dan

(e) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U36

10. Pembantu Farmasi Gred U32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Farmasi Gred U36 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U38

11. Pembantu Farmasi Gred U36 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Farmasi Gred U38 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U40

12. Pembantu Farmasi Gred U38 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Farmasi Gred U40 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEGAWAI FARMASI

13. Pembantu Farmasi yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Farmasi Gred U41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.7.2000 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2001, JPA(S)313/38M Klt. 2 SK1 (4)].

SKIM PERKHIDMATAN
JURUTEKNIK PERUBATAN

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2002

Gred		**Jadual Gaji Matriks**
Gred U19	:	P1T1 RM662.35 - P1T24 RM1741.67 P2T1 RM704.70 - P2T24 RM1838.47 P3T1 RM748.26 - P3T24 RM1938.90
Gred U24	:	P1T1 RM1545.65 - P1T12 RM2291.01 P2T1 RM1659.39 - P2T12 RM2530.59
Gred U26	:	P1T1 RM1773.13 - P1T9 RM2412.01 P2T1 RM1943.74 - P2T9 RM2640.70

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus dalam subjek Matematik atau salah satu daripada subjek Sains pada peringkat peperiksaan tersebut;

   dan

   (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Juruteknik Perubatan Gred U19 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Juruteknik Perubatan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

5. Juruteknik Perubatan Gred U19 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

6. Juruteknik Perubatan Gred U19 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

   (a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

8. Juruteknik Perubatan hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U24

9. Juruteknik Perubatan Gred U19 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknik Perubatan Gred U24 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U26

10. Juruteknik Perubatan Gred U24 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknik Perubatan Gred U26 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

Lampiran B8

INDEKS SKIM PERKHIDMATAN LAPORAN JAWATANKUASA KABINET 1976 KEPADA SISTEM SARAAN MALAYSIA

INDEKS SKIM PERKHIDMATAN LAPORAN JKK 1976 KEPADA SSM

Klasifikasi Perkhidmatan	Bidang	Skim Perkhidmatan JKK	Skim Perkhidmatan SSM
1. **PENGANGKUTAN (A)**	Penerbangan	1. Juruterbang/ Pemeriksa Juruterbang A18, A11, A10	1. Juruterbang/ Pemeriksa Juruterbang A41, A44, A48, A52, A54
	Kawalan Trafik Udara	1. Pegawai Kawalan Trafik Udara A21, A12, A10	2. Pegawai Kawalan Trafik Udara A41, A44, A48, A52, A54
		2. Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara B9, B3	3. Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara A29, A36, A38
		3. Pegawai Perhubungan C10, C3, C1	4. Pembantu Kawalan Trafik Udara A17, A22, A26
	Kejuruteraan Kapal Terbang	1. Pemeriksa Kapal Terbang A18, A11, A10	5. Pemeriksa Kapal Terbang A41, A44, A48, A52, A54
		2. Pembantu Teknik Kapal Terbang B7, B3/A24	6. Pembantu Teknik Kapal Terbang A29, A36, A38
	Kejuruteraan Penerbangan	1. Pembantu Teknik Penerbangan B7, B3/A24	
	Perkhidmatan *Aerobridge*	1. Operator *Aerobridge* D10, D3	Operator *Aerobridge* * (dimansuhkan)
	Kejuruteraan Laut	1. Jurutera Laut A18, A11, A10	7. Jurutera Laut A41, A44, A48, A52, A54
		2. Penolong Jurutera Laut B7, B3, B1, A24	8. Penolong Jurutera Laut A29, A36, A38
		3. Pembantu Laut C1	9. Pembantu laut A21(dijumudkan)
		4. Pengajar Merin C2	10. Pengajar Merin A21(dijumudkan)
		5. Pembantu Juruenjin Laut/ Juruenjin Laut D27, D14-1, C14, C5, C2	11. Pembantu Juruenjin Laut/ Juruenjin Laut A1, A11/12, A18, A22
	Reka Bentuk (Laut)	1. Arkitek Laut A17, A11, A10	12. Arkitek Laut A41, A44, A48, A52
		2. Merinyu Laut C10, C3, C1	13. Merinyu Laut A17, A22, A26
	Maritim	1. Pegawai Laut A18, A11, A10	14. Pegawai Laut A41, A44, A48, A52, A54
		2. Penolong Pegawai Laut B8, B3, B1, A24	15. Penolong Pegawai Laut A29, A36, A38
		3. Serang C14, C5, C2	16. Serang A17, A22, A26
		4. Ketua Pegawai C3	
		5. Kelasi/Jurumudi D27, D21, D7	17. Kelasi/Jurumudi A1, A3/4

Klasifikasi Perkhidmatan	Bidang	Skim Perkhidmatan JKK	Skim Perkhidmatan SSM
	Pemaliman	1. Malim A20, A11, A10	18. Malim A41, A44, A48, A52
		2. Pembantu/Penjaga Rumah Api D27, D18-1, D3, D1	19. Penjaga Rumah Api A1, A14
	Kejuruteraan (Darat)	1. Pemeriksa Kereta Motor C10, C3, C1	20. Pemeriksa Kereta Motor A17, A22, A26
	Pemanduan	1. Pemandu Lokomotif C9, C3, C1, B3	21. Pemandu Lokomotif A17, A22, A36
		2. Pemandu Lokomatif Rendah D10,D3	22. Pemandu Lokomatif Rendah A11, A14(dijumudkan)
2. **BAKAT DAN SENI (B)**	Penerbitan Rancangan	1. Pegawai Penerbitan Rancangan A22, A12, A10	
		2. Penolong Pegawai Penerbitan Rancangan B9, B3, B1	1. Penerbit Rancangan B17, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38, B41/42, B43/44, B47/48, B51/52, B53/54
		3. Pembantu Penerbitan Rancangan C11, C3, C1	
		4. Jurutulis Cina C11, C3, C1	
		5. Pembantu Rendah Penerbitan Rancangan D11, D3	2. Pembantu Rendah Penerbitan Rancangan B11, B14(dijumudkan)
	Muzik	1. Pegawai Seni Muzik A22, A12, A10	
		2. Pemuzik/Ahli Seni Muzik C14-1, C5, B9, B3, B1	3. Ahli Muzik B17, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38, B41/42, B43/44, B47/48, B51/52, B53/54
	Seni Reka	1. Pegawai Seni Reka A22, A12, A10	
		2. Penolong Pelukis/Pelukis/Penolong Pegawai Seni Reka D11, C11, B12, B5	4. Pereka B11, B17/18, B21/22, B27/28, B31/32, B41/42, B43/44, B47/48, B51/52, B53/54
	Fotografi	1. Penolong Jurukamera Filem/ Jurukamera Filem D10, C10, C3, B5, B3	
		2. Penolong Jurufoto/Jurufoto/Penolong Pegawai Foto D10, C10, C3, B9, B3, B1	5. Ahli Fotografi B11, B17/18, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38
	Kebudayaan Induk	1. Pegawai Kebudayaan (Universiti) A22, A12, A10	
		2. Pegawai Kebudayaan A22, A12, A10	
		3. Penolong Pegawai Kebudayaan B11, B4, B2	6. Pegawai Kebudayaan B11, B13/14, B17/18, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38, B41/42, B43/44, B47/48, B51/52, B53/54
		4. Pembantu Kebudayaan C11, C3, C1	
		5. Pembantu Rendah Kebudayaan D11, D3	

Klasifikasi Perkhidmatan	Bidang	Skim Perkhidmatan JKK	Skim Perkhidmatan SSM
	Kebudayaan (Sokongan)	1. Jurulatih Seni Budaya C14-1, C5, B12, B5 2. Artis Budaya/Jurulatih Budaya C11, B12, B5	7. Artis Budaya B17, B27/28, B31/32
		3. Jurusolek Rendah/Jurusolek D11, C11, C3, C1	8. Jurusolek B11, B17/18, B21/22, B25/26
		4. Penari D11	9. Penari B11(dijumudkan)
3. **SAINS (C)**	Galian	1. Pegawai Galian A18, A11, A10	1. Pegawai Galian C41, C44, C48, C52, C54
		2. Penolong Pegawai Galian B8, B3, B1	2. Penolong Pegawai Galian C27, C32, C38
		3. Pembantu Galian C10, C3, C1	3. Pembantu Galian C17, C22, C26
		4. Pencatit Data Gerudi D10, D3	4. Pencatit Data Gerudi C11, C14(dijumudkan)
	Kimia Bumi	1. Pegawai Kimia Bumi A20, A11, A10	5. Pegawai Kimia Bumi C41, C44, C48, C52, C54
		2. Penolong Pegawai Kimia Bumi B11, B4, B2	6. Penolong Pegawai Kimia Bumi C27, C32, C38
	Kaji Bumi	1. Pegawai Kaji Bumi (Geofizik/Kaji Bumi) A20, A11, A10	7. Pegawai Kaji Bumi (Geofizik/Kaji Bumi) C41, C44, C48, C52, C54
		2. Pembantu Kaji Bumi C10, C3, C1	8. Pembantu Kaji Bumi C17, C22, C26
		3. Pembantu Kaji Bumi Rendah D10, D3	9. Pembantu Kaji Bumi Rendah C11, C14 (dijumudkan)
	Kaji Cuaca	1. Ahli Kajicuaca A20, A11, A10	10. Pegawai Kaji Cuaca C41, C44, C48, C52, C54
		2. Penolong Pegawai Kaji Cuaca B8, B3, B1	11. Penolong Pegawai Kaji Cuaca C27, C32, C38
		3. Pembantu Kaji Cuaca C10, C3, C1	12. Pembantu Kaji Cuaca C17, C22, C26
		4. Pembantu Kaji Cuaca Rendah D10	13. Pembantu Kaji Cuaca Rendah C11(dijumudkan)
	Alam Sekitar	1. Pegawai Kawalan Alam Sekitar A20, A11, A10	14. Pegawai Kawalan Alam Sekitar C41, C44, C48, C52, C54
		2. Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar B8, B3, B1	15. Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C27, C32, C38
	Sains	1. Pegawai Sains A20, A11, A10 2. Pegawai Penyelidik A20, A11, A10	16. Pegawai Sains C41, C44, C48, C52, C54
		3. Pegawai Percubaan B11, B4, B2	17. Penolong Pegawai Sains C27, C32, C38

Klasifikasi Perkhidmatan	Bidang	Skim Perkhidmatan JKK	Skim Perkhidmatan SSM
		4. Pembantu Makmal C10, C3, C1	
		5. Juruteknik Makmal C10	18. Pembantu Makmal C17, C22, C26
		6. Penyiasat Luar C15	
		7. Pembantu Makmal Rendah D10, D3	19. Pembantu Makmal Rendah C11, C14 (dijumudkan)
	Makmal Filem	1. Pegawai Makmal Filem A20, A11, A10	20. Pegawai Makmal Filem C41, C44, C48, C52
		2. Penolong Pegawai Makmal Filem B11, B4, B2	21. Penolong Pegawai Makmal Filem C27, C32, C38
		3. Pembantu Makmal Filem C10, C3, C1	22. Pembantu Makmal Filem C17, C22, C26
		4. Pembantu Makmal Filem Rendah D10, D3	23. Pembantu Makmal Filem Rendah C11, C14 (dijumudkan)
	Pemakanan	1. Pegawai Teknologi Makanan A20, A11, A10	24. Pegawai Teknologi Makanan C41, C44, C48, C52, C54
		2. Penolong Pegawai Teknologi Makanan B8, B3, B1	25. Penolong Pegawai Teknologi Makanan C27, C32, C38
		3. Penyelia Jenis Makanan A22, A12, A10	26. Pegawai Dietetik C41, C44, C48, C52, C54
		4. Penolong Pegawai Penyediaan Makanan B9, B3, B1	27. Penolong Pegawai Penyediaan Makanan C27, C32, C38
4. **PENDIDIKAN (DS, DU, DM, DG, DGA)**	Pendidikan Tinggi	1. Pensyarah Universiti - Pensyarah (A14/A11, A10) - Profesor Madya (A9/A8) - Profesor (A7/A6)	1. Pensyarah Universiti DS45, DS51/52, DS53/54, Khas 2. Pensyarah Perubatan DU45, DU51/52, DU53/54, Khas
		2. Pensyarah ITM A20/A11, A10/A9/A8, A7	3. Pensyarah UiTM DM41, DM45/46, DM51/52, DM53/54, Khas
		3. Guru (Universiti-universiti) A20, A11, A10	4. Guru Bahasa DG41, DG44, DG48, DG52
		4. Pensyarah KUSZA #NAME?	5. Pensyarah KUSZA DG41, DG44, DG48, DG52, DG54
		5. Penolong Pensyarah 'A' UTM A20/A11	6. Penolong Pensyarah 'A' UTM DG41 (dijumudkan)
		6. Penolong Pensyarah 'B' UTM B8	7. Penolong Pensyarah 'B' UTM DG27 (dijumudkan)
		7. Pengajar Bahasa (UM) B11, B4	8. Pengajar Bahasa (UM) DG27, DG32 (dijumudkan)
		8. Penolong Pensyarah ITM B7, B3	9. Penolong Pensyarah ITM DG27, DG32 (dijumudkan)
		9. Jurulatih (ITM) B11, B4, B2	10. Penolong Pensyarah UiTM DM29, DM32, DM34

Klasifikasi Perkhidmatan	Bidang	Skim Perkhidmatan JKK	Skim Perkhidmatan SSM
	Pendidikan Sekolah	1. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah A9, A11, A10 2. Guru MARA Kategori D1 A19, A18, A17, A16, A11, A10 3. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kategori D1 A19, A18, A17, A16, A11, A10 4. Pegawai Peperiksaan A19, A11, A10 5. Guru MARA Kategori D2 A21 6. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kategori D2 A21	11. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah DG41, DG44, DG48, DG52, DG54
		7. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah C8/B10/B8, B3, B1 8. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kategori T1 B8, B3, B1 9. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kategori C1 B10, B4, B2 10. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kategori T2 C7, C2, C1 11. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kategori T3 C8, C2, C1 12. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kategori C2 C8, C5-1, C2, C1 13. Pegawai Keselamatan Peperiksaan C1	12. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma DGA29, DGA32, DGA34
5. **EKONOMI (E)**	Perdagangan/ Perusahaan/ Pemasaran/ Promosi	1. Ahli Ekonomi Hutan A20, A11, A10 2. Pegawai Kemajuan Perindustrian A20, A11, A10 3. Pegawai Pembangunan Pemasaran A20, A11, A10 4. Ahli Ekonomi Pertanian A20, A11, A10 5. Pegawai Pendaftaran Perdagangan A22, A12, A10 6. Pegawai Khidmat Peladang A22, A12, A10 7. Pegawai Kemajuan MARA A22, A12, A10	1. Pegawai Ehwal Ekonomi E41, E44, E48, E52, E54

Klasifikasi Perkhidmatan	Bidang	Skim Perkhidmatan JKK	Skim Perkhidmatan SSM
		8. Pegawai Kemajuan Perikanan A22, A12, A10 9. Pegawai Perusahaan Komoditi A22, A12, A10 10. Ahli Ekonomi (MIDA) A22, A12, A10 11. Pegawai Pelancongan A22, A12, A10 12. Pegawai Pemasaran A22, A12, A10 13. Pegawai Kemajuan Kraf A22, A12, A10 14. Pegawai Pembangunan Koperasi A22, A12, A10	1. Pegawai Ehwal Ekonomi E41, E44, E48, E52, E54
		15. Penolong Pegawai Pendaftaran Perdagangan B9, B3, B1 16. Penolong Pegawai Khidmat Peladang B9. B3. B1 17. Penolong Pegawai Kemajuan MARA B9, B3, B1 18. Penolong Pegawai Kemajuan Perindustrian B9, B3, B1 19. Penolong Pegawai Perusahaan Komoditi B9, B3, B1 20. Penolong Pegawai Pembangunan Pemasaran B9, B3, B1 21. Penolong Pegawai Pembangunan B9, B3, B1 22. Penolong Pegawai Perniagaan B9, B3 23. Penolong Pegawai Kemajuan Perikanan B11, B4, B2 24. Penolong Pegawai Pelancongan B11, B4, B2 25. Penolong Pegawai Pembangunan Koperasi B11, B4, B2 26. Penolong Pegawai Pemasaran B11, B4, B2 27. Penolong Pegawai Kemajuan Kraf B11, B4, B2	2. Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi E27, E32, E38

Klasifikasi Perkhidmatan	Bidang	Skim Perkhidmatan JKK	Skim Perkhidmatan SSM
		28. Pembantu Perusahaan Komoditi C10, C3, C1	
		29. Pembantu Pembangunan C10, C3, C1	
		30. Pembantu Penyelidik C10, C3 (Perbadanan Kemajuan Kraftangan)	
		31. Merinyu Perniagaan C11, C3, C1	
		32. Pembantu Khidmat Peladang C11, C3, C1	3. Pembantu Ehwal Ekonomi E17, E22, E26
		33. Pembantu Pembangunan Pemasaran C11, C3, C1	
		34. Pembantu Pembangunan Koperasi C11, C3, C1	
		35. Pembantu Kemajuan Perikanan C11	
		36. Pembantu Pemasaran C11, C3	
		37. Pembantu Pelancongan C16, C6	
		38. Pembantu Pemasaran Rendah D11	4. Pembantu Pemasaran Rendah E11 (dijumudkan)
	Latihan	1. Pegawai Latihan dan Penyiasatan A20, A11, A10	5. Pegawai Latihan E41, E44, E48, E52, E54
		2. Pensyarah Maktab Kerjasama A22, A12, A10	
		3. Penolong Pensyarah Maktab Kerjasama B9, B3	6. Penolong Pegawai Latihan E27, E32, E38
		4. Pengajar Perdagangan Gred I B9, B3, B1	
		5. Pengajar Perdagangan Gred II C11, C3, C1	7. Pembantu Pegawai Latihan E17, E22, E26
		6. Penolong Jurulatih Kraf/Jurulatih Kraf D10, C10, C3, C1	8. Pengajar Kraf E11, E17/18, E22
6. **SISTEM MAKLUMAT (F, FT)**	Sistem Maklumat	1. Juruanalisa Sistem A20, A11, A10	1. Pegawai Sistem Maklumat F41, F44, F48, F52, F54
		2. Pengatur Program Komputer B8, B3, B1	2. Penolong Pegawai Sistem Maklumat F29, F32, F38
		3. Operator Komputer C11, C3, C1	3. Operator Komputer F17, F22 (dijumudkan)
		4. Operator Mesin Prosesan Data D11, D3, D1	4. Operator Mesin Prosesan Data F11, F14

Klasifikasi Perkhidmatan	Bidang	Skim Perkhidmatan JKK	Skim Perkhidmatan SSM
7. **PERTANIAN (G)**	Pertanian	1. Pegawai Pertanian A19, A11, A10	1. Pegawai Pertanian G41, G44, G48, G52, G54
		2. Penolong Pegawai Pertanian B8, B3, B1, A24 3. Pembantu Perkebunan B8, B3	2. Penolong Pegawai Pertanian G27, G32, G36
		4. Juruteknik Pertanian C10, C3, C1	3. Pembantu Pertanian G17, G22, G26
		5. Juruteknik Pertanian Rendah D10	4. Juruteknik Pertanian Rendah G11(dijumudkan)
	Haiwan (Veterinar)	1. Pegawai Veterinar A17, A11, A10	5. Pegawai Veterinar G41, G44, G48, G52, G54
		2. Penolong Pegawai Veterinar B7, B3, B1, A24	6. Penolong Pegawai Veterinar G27, G32, G36
		3. Pembantu Veterinar C10, C3, C1	7. Pembantu Veterinar G17, G22, G26
		4. Penyelia Kandang Haiwan D10 (Di IMR)	8. Penyelia Kandang Haiwan G11 (dijumudkan)
		5. Atendan Haiwan D27, D21, D7	9. Atendan Haiwan G1, G12
	Perhutanan	1. Pemelihara Hutan Gred I A19, A11, A10	10. Pemelihara Hutan G41, G44, G48, G52, G54
		2. Penolong Pemelihara Hutan B8, B3	11. Penolong Pemelihara Hutan G27, G32, G36
		3. Renjer Hutan C10, C3, C1	12. Renjer Hutan G17, G22, G26
		4. Pengajar Membalak C14, C6, C3	13. Pengajar Membalak G17, G22, G26
		5. Pengawas Hutan D10, D3	14. Pengawas Hutan G11, G14
	Perhilitan/ Hidupan Liar	1. Pegawai Hidupan Liar A22, A12, A10	15. Pegawai Hidupan Liar G41, G44, G48, G52, G54
		2. Penolong Pegawai Hidupan Liar B9, B3, B1	16. Penolong Pegawai Hidupan Liar G27, G32, G36
		3. Pembantu Hidupan Liar C12, C3, C1	17. Pembantu Hidupan Liar G17, G22, G26
		4. Pembantu Hidupan Liar Rendah D10, D3	18. Pembantu Hidupan Liar Rendah G11, G14
	Perikanan	1. Pegawai Perikanan A20, A11, A10	19. Pegawai Perikanan G41, G44, G48, G52, G54
		2. Penolong Pegawai Perikanan B8, B3, B1, A24	20. Penolong Pegawai Perikanan G27, G32, G36
		3. Pembantu Perikanan C10, C3, C1	21. Pembantu Perikanan G17, G22, G26
		4. Pengajar Rendah D7, D3, C6	22. Pengajar Rendah G11, G14, G18

Klasifikasi Perkhidmatan	Bidang	Skim Perkhidmatan JKK	Skim Perkhidmatan SSM
	Pembangunan Tanah	1. Pegawai Rancangan Tanah A25, A12	23. Pegawai Rancangan Tanah G41, G44, G48, G52
		2. Penolong Pegawai Rancangan Tanah B9, B3, B1	24. Penolong Pegawai Rancangan Tanah G27, G32, G36
		3. Penyelia Rancangan Tanah C10, C3	25. Penyelia Rancangan Tanah G17, G22, G26
	Pengurusan Taman /Ladang	1. Pengurus Taman Sabah A22, A12, A10	26. Pengurus Taman/Ladang G41, G44, G48, G52, G54
		2. Pengurus Ladang A22, A12, A10	
		3. Penolong Pegawai Taman Sabah B11, B14, B2	27. Penolong Pengurus Taman/ Ladang G27, G32, G36
		4. Penolong Pengurus Ladang B11, B14	
		5. Pembantu Taman Sabah C10, C3, C1	28. Pembantu Taman/Ladang G17, G22, G26
		6. Pembantu Rendah Taman Sabah D10	29. Pembantu Rendah Taman Sabah G11 (dijumudkan)
8. **KEJURUTERAAN (J)**	Senibina	1. Arkitek A17, A11, A10	1. Arkitek J41, J44, J48, J52, J54
		2. Pembantu Teknik B7, B3/A24 (Skim perkhidmatan gunasama yang dipakai juga untuk bidang kejuruteraan dan ukur bahan)	2. Pembantu Teknik J29, J36, J38
		3. Juruteknik C7, C3/C1 (Skim perkhidmatan gunasama yang dipakai juga untuk bidang kejuruteraan dan ukur bahan)	3. Juruteknik J17, J22, J26
		4. Pelukis Pelan C10, C3, C1	4. Pelukis Pelan J17, J22, J26
		5. Pelukis Pelan Rendah D10, D3	5. Pelukis Pelan Rendah J11, J14 (dijumudkan)
	Senibina Taman/ Landskap	1. Arkitek Landskap A18, A11, A10	6. Arkitek Landskap J41, J44, J48, J52, J54
	Kejuruteraan	1. Jurutera A18/A11, A10	7. Jurutera J41, J44, J48, J52, J54
	Ukur Bahan	1. Juruukur Bahan A18, A11, A10	8. Juruukur Bahan J41, J44, J48, J52, J54

Klasifikasi Perkhidmatan	Bidang	Skim Perkhidmatan JKK	Skim Perkhidmatan SSM
	Perancangan Bandar dan Desa	1. Pegawai Perancang Bandar dan Desa A18, A11, A10	9. Pegawai Perancang Bandar dan Desa J41, J44, J48, J52, J54
		2. Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa B8, B3, B1, A24	10. Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa J29, J36, J38
		3. Juruteknik Perancang Bandar dan Desa C7, C3/C1	11. Juruteknik Perancang Bandar dan Desa J17, J22, J26
	Kartografi	1. Jurukartografi A25, A12, A10	12. Jurukartografi J41, J44, J48, J52
	Ukur Tanah	1. Juruukur A18, A11, A10	13. Juruukur J41, J44, J48, J52, J54
		2. Pembantu Teknik Ukur B7, B3/A24	14. Pembantu Teknik Ukur J29, J36, J38
		3. Juruteknik Ukur C7, C3/C1	15. Juruteknik Ukur J17, J22, J26
	Pemeriksaan Kilang dan Jentera	1. Pemeriksa Kilang dan Jentera A18, A11, A10	16. Pemeriksa Kilang dan Jentera J41, J44, J48, J52, J54
		2. Penolong Pemeriksa Kilang dan Jentera B8, B3, B1, A24	17. Penolong Pemeriksa Kilang dan Jentera J29, J36, J38
		3. Pembantu Pemeriksa Kilang dan Jentera C10, C3, C1	18. Pembantu Pemeriksa Kilang dan Jentera J17, J22, J26
	Pengajar Ketukangan	4. Pengajar Ketukangan Gred I B8, B3, B1, A24 5. Pengajar Ketukangan Gred II C7, C2, C1	19. Pembantu Pegawai Latihan Vokasional/Penolong Pegawai Latihan Vokasional/Pegawai Latihan Vokasional J17,J21/22,J29/30,J35/36,J37/38, J41/42,J43/44,J47/48,J51/52,J54
		6. Pengajar Ketukangan Gred III C13-1	20. Pengajar Ketukangan Gred III J17 (dijumudkan)
	Bekalan Air	1. Penguasa Bekalan Air C10, C3, C1	21. Penguasa Bekalan Air J17, J22, J26
	Binaan Model	1. Jurubina Model C10, C3	22. Jurubina Model J17, J22 (dijumudkan)
	Tali Air/ Pengairan	1. Merinyu Tali Air C10, C3, C1 2. Pemeriksa Taliair C10, C3, C1	23. Merinyu Tali Air J17, J22, J26
		3. Pengawas Taliair D10, D3	24. Pengawas Taliair J11, J14 (dijumudkan)

Klasifikasi Perkhidmatan	Bidang	Skim Perkhidmatan JKK	Skim Perkhidmatan SSM
9. **KESELAMATAN DAN PERTAHANAN (KB, KP, KR, KX)**	**AWAM** Bomba	1. Penguasa Bomba A22, A12, A10	1. Penguasa Bomba KB41, KB42, KB48, KB50, KB54
		2. Penolong Penguasa Bomba B9, B3	2. Penolong Penguasa Bomba KB29, KB32
		3. Pegawai Bomba C10, C3, C1	3. Pegawai Bomba KB17, KB22, KB24
		4. Ahli Bomba D10, D3, D1	4. Ahli Bomba KB11, KB14, KB16
	Teknikal Keselamatan	1. Amra D10, D3, D1	5. Amra KP11, KP14 (dijumudkan)
	Pentadbiran Keselamatan	1. Pegawai Keselamatan A22, A12, A10	6. Pegawai Keselamatan KP41, KP44, KP48, KP52, KP54
		2. Penolong Pegawai Keselamatan B11, B4	7. Penolong Pegawai Keselamatan KP27, KP32, KP38
		3. Pembantu Keselamatan C11, C3, C1	8. Pembantu Keselamatan KP17, KP22, KP26
		4. Pengawal Keselamatan D11, D3, D1	9. Pengawal Keselamatan KP11, KP14
		5. Pegawai Pertahanan Awam A22, A12, A10	10. Pegawai Pertahanan Awam KP41, KP44, KP48, KP52, KP54
		6. Penolong Pegawai Pertahanan Awam B11, B4, B2	11. Penolong Pegawai Pertahanan Awam KP27, KP32, KP38
		7. Pembantu Pertahanan Awam C11, C3, C1	12. Pembantu Pertahanan Awam KP17, KP22, KP26
		8. Penolong Pegawai Pendaftaran B11, B4, B2	13. Penolong Pegawai Pendaftaran KP27, KP32, KP38
		9. Pembantu Pendaftaran C11, C3, C1	14. Pembantu Pendaftaran KP17, KP22, KP26
		10. Pembantu Pendaftaran Rendah D11	15. Pembantu Pendaftaran Rendah KP11 (dijumudkan)
		11. Penolong Penguasa Imigresen B11, B4, B2	16. Penolong Penguasa Imigresen KP27, KP32, KP38
		12. Pegawai Imigresen C11, C3, C1	17. Pegawai Imigresen KP17, KP22, KP26
		13. Pegawai Imigresen Rendah D11	18. Pegawai Imigresen Rendah KP11 (dijumudkan)
	Penjara	1. Penguasa Penjara PJ6, PJ5, PJ4, PJ3, PJ2, PJ1	19. Penguasa Penjara KX41, KX42, KX48, KX50, KX54
		2. Penolong Penguasa Penjara PJ8, PJ7	20. Penolong Penguasa Penjara KX27, KX32
		3. Pegawai Penjara PJ13, PJ12, PJ11, PJ10, PJ9	21. Pegawai Penjara KX11, KX14, KX18, KX22, KX24
	Perisikan Tentera	1. Pegawai Perhubungan Preman C14, C5	22. Pegawai Perhubungan Preman KP19, KP22

Klasifikasi Perkhidmatan	Bidang	Skim Perkhidmatan JKK	Skim Perkhidmatan SSM
	Siasatan	1. Pegawai Siasatan A20, A11, A10 2. Penolong Pegawai Siasatan B9, B3, B1 3. Pembantu Siasatan C12, C3, C1	23. Pegawai Siasatan KR41, KR44, KR48, KR52, KR54 24. Penolong Pegawai Siasatan KR27, KR32, KR38 25. Pembantu Siasatan KR17, KR22, KR26
10. **PERUNDANGAN DAN KERHAKIMAN (L, LS)**	Perundangan Sivil	1. Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang A6 2. Pegawai Undang-undang A19, A11, A10 3. Pembantu Undang-undang B9, B3, B1	Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang * Khas C (dimansuhkan) 1. Pegawai Undang-undang L41, L44, L48, L52, L54 2. Pembantu Undang-undang L29, L32, L38
	Perundangan Syariah	4. Pegawai Syariah A19, A11, A10	3. Pegawai Syariah LS41, LS44, LS48, LS52, LS54
	Pentadbiran	1. Jurubahasa C11, C3, C1	4. Jurubahasa L17, L22, L26
11. **TADBIR DAN DIPLOMATIK (M)**	Pengurusan Utama	1. Pegawai Tadbir dan Diplomatik A19/A11, A10	1. Pegawai Tadbir dan Diplomatik M41, M44, M48, M52, M54
12. **PENTADBIRAN DAN SOKONGAN (N)**	Pentadbiran	1. Setiausaha Sulit Kanan (Y.B Menteri dan Timbalan Menteri) 2. Setiausaha Sulit (Y.B Menteri dan Timbalan Menteri)	Jawatan terbuka skim perkhidmatan tidak diwujudkan kecuali jadual gaji N36 untuk Setiausaha Sulit dan N41 untuk Setiausaha Sulit Kanan.
		3. Pegawai Tadbir Negeri Sarawak A20, A11, A10 4. Pegawai Tadbir Negeri Sabah A20, A11, A10 5. Pegawai Tadbir A22, A12, A10 6. Pegawai Tadbir Negeri A22, A12, A10 7. Pegawai Tadbir Tanah Sarawak A22, A12, A10 8. Pegawai Tadbir Universiti A20, A11, A10 9. Pegawai Pentadbir Parlimen A20, A11, A10 10. Pegawai Pelabuhan A22, A12, A10 11. Pegawai Tadbir dan Trafik A22, A12, A10	1. Pegawai Tadbir N41, N44, N48, N52, N54

Klasifikasi Perkhidmatan	Bidang	Skim Perkhidmatan JKK	Skim Perkhidmatan SSM
		12. Pegawai Analisis Pengurusan A22, A12, A10 13. Pengurus Hotel A22, A12, A10 14. Pegawai Stor A22, A12, A10 15. Pegawai Rekod Perubatan A22, A12, A10 16. Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan A22, A12, A10 (di Sarawak)	1. Pegawai Tadbir N41, N44, N48, N52, N54
		17. Pegawai Eksekutif B9, B3/B1 18. Penolong Pegawai Tadbir (Parlimen) B11, B4, B2 19. Penolong Pegawai Perlabuhan B11, B4, B2 20. Penolong Pegawai Tadbir dan Trafik B11, B4, B2 21. Penolong Pegawai Analisis Pengurusan B11, B4 22. Penolong Pegawai Stor B9, B3	2. Penolong Pegawai Tadbir N27, N32, N36
		23. Pegawai Rekod Perubatan B11, B4, B2 24. Penguasa Kebun Bunga B11, B4 25. Pegawai Percubaan B11, B4, B2 (di MEXPO) 26. Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan (di Sarawak) B11, B4 27. Penghulu/Penggawa B13, B5, B3	
		28. Penolong Pegawai Tadbir Tanah B9, B3, B1 29. Pegawai Kanan Tempatan B9, B3, B1	3. Penolong Pegawai Tanah NT17, NT22, NT31/NT32
		30. Pegawai Kerani C11, C3/C1 31. Pembantu Trafik C11, C3 /C1 32. Penyelenggara Stor C11, C3, C1 33. Pembantu Rekod Perubatan C11, C3, C1	4. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N17, N22, N26

Klasifikasi Perkhidmatan	Bidang	Skim Perkhidmatan JKK	Skim Perkhidmatan SSM
